



KHIDMAT MASYARAKAT

KELAB Pengurusan Kewangan dan Perbankan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini mengadakan program Khidmat Masyarakat di Kampung Lohan Ulu dan Sekolah Menengah Kebangsaan Lohan, Ranau.

Pengarah program itu, Asely Asedha berkata, program selama tiga

hari dua malam yang bertemakan Graduan Cemerlang, Masyarakat Gemilang itu bertujuan mendedahkan para pelajar kemahiran berinteraksi dengan masyarakat luar, sekali gus menjadi pelengkap ketahanan jati diri apabila menamatkan pengajian kelak.

Antara aktiviti bersama penduduk dan pelajar sekolah yang

dijalankan ialah gotong-royong, malam kebudayaan, keusahawanan, pemasaran dan kewangan dengan ceramah motivasi disampaikan oleh penyarah Pengurusan Kewangan dan Perbankan UMS, Lim Thien Sang.

Penutupan majlis itu disempurnakan oleh Pemimpin

Kemajuan Masyarakat Ranau, Jahidin Lumat yang dalam ucapannya menyambut baik program kemasyarakatan itu sambil berharap ia dapat diteruskan pada masa hadapan kerana banyak memberi manfaat kepada para pelajar dan penduduk kampung.

■ **KELAB** Pengurusan Kewangan dan Perbankan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Malaysia Sabah bersama keluarga angkat masing-masing dalam program Khidmat Masyarakat di Kampung Lohan Ulu dan Sekolah Menengah Kebangsaan Lohan, Ranau, Sabah baru-baru ini.